



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**MANFAAT TEMPAT KEDIAMAN YANG
DISEDIAKAN OLEH MAJIKAN KEPADA
PEKERJANYA**

**TAMBAHAN KEPADA
KETETAPAN UMUM NO. 3/2005**

TARIKH KELUARAN: 5 FEBRUARI 2009



**MANFAAT TEMPAT KEDIAMAN
YANG DISEDIAKAN OLEH MAJIKAN
KEPADA PEKERJANYA**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Tambahan kepada
Ketetapan Umum No. 3/2005
Tarikh Keluaran: 5 Februari 2009**

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Ketetapan Umum seperti diperuntukkan di bawah seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 dikeluarkan bertujuan memberi panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan interpretasi Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri berhubung peruntukan tertentu Undang-undang Cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketetapan Umum boleh ditarikbalik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, melalui notis penarikanbalik atau dengan penerbitan ketetapan baru yang tidak konsisten dengannya.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**



**MANFAAT TEMPAT KEDIAMAN
YANG DISEDIAKAN OLEH MAJIKAN
KEPADA PEKERJANYA**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Tambahan Kepada
Ketetapan Umum No. 3/2005
Tarikh Keluaran: 5 Februari 2009**

**MANFAAT TEMPAT KEDIAMAN YANG DISEDIAKAN
OLEH MAJIKAN KEPADA PEKERJANYA
TAMBAHAN KEPADA KETETAPAN UMUM NO. 3/2005**

1. Tambahan ini memberi penjelasan berkenaan pindaan ke atas penentuan nilai manfaat tempat kediaman yang disediakan oleh majikan kepada pekerjanya.
2. Peruntukan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan Tambahan ini adalah seksyen 13, subseksyen 32(1A), perenggan 32(2)(a), 32(2)(b), 32(2)(c) dan subseksyen 32(4) baru.
3. **Pindaan ke atas penentuan nilai manfaat premis kediaman**
 - 3.1 Bagi tujuan menentukan nilai manfaat premis kediaman di bawah perenggan 13(1)(c) ACP, pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP hendaklah terlebih dahulu ditentukan.
 - 3.2 Pendapatan kasar daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP termasuk perkuisit yang diterima berkaitan dengan hak untuk memperoleh saham dalam sesebuah syarikat di bawah subseksyen 32(1A) ACP.
 - 3.3 Amaun pendapatan kasar berkaitan dengan hak untuk memperoleh saham dalam sesebuah syarikat di bawah subseksyen 32(1A) ditentukan seperti berikut:

Jumlah saham X (nilai pasaran saham pada tarikh opsyen dilaksanakan atau nilai pasaran saham pada tarikh opsyen boleh dilaksanakan, yang mana lebih rendah tolak harga tawaran saham)
 - 3.4 Mulai tahun taksiran 2009, bagi tujuan menentukan nilai manfaat premis kediaman, pendapatan kasar pekerja di bawah perenggan 13(1)(a) ACP tidak termasuk amaun pendapatan kasar berkaitan dengan hak untuk memperolehi saham dalam sesebuah syarikat.
 - 3.5 Pindaan ini diperuntukkan di bawah subseksyen 32(4) baru ACP.
4. **Pengiraan nilai premis kediaman**

Susulan daripada pindaan yang dinyatakan di atas, mulai tahun taksiran 2009 pengiraan nilai premis kediaman bagi ketiga-tiga kategori yang disebut dalam Ketetapan Umum No. 3/2005 adalah seperti berikut:

**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA****MANFAAT TEMPAT KEDIAMAN
YANG DISEDIAKAN OLEH MAJIKAN
KEPADA PEKERJANYA**

**Tambahan Kepada
Ketetapan Umum No. 3/2005
Tarikh Keluaran: 5 Februari 2009**

- 4.1 Kategori Pertama: Premis kediaman yang disediakan oleh majikan kepada pekerja (selain daripada pegawai Kerajaan/Badan Berkanun) atau pengarah urusan**

Contoh 1:

Ali, seorang akauntan di sebuah syarikat pemaju perumahan, memperoleh pendapatan penggajian seperti berikut bagi tahun 2009:

- (a) gaji bulanan berjumlah RM10,000;
- (b) kemudahan tempat tinggal secara percuma yang disediakan oleh majikan di mana nilai tertentu premis kediaman adalah RM24,000; dan
- (c) 5,000 unit saham @ RM1.00 seunit yang diberi oleh majikan di bawah skim opsyen saham pada 02.01.2009. Saham tersebut boleh dilaksanakan pada 01.03.2009 dan nilai harga pasaran saham adalah RM3.00 seunit. Ali telah melaksanakan opsyen beliau pada 31.03.2009 semasa nilai harga pasaran naik ke RM4.00 seunit.

Pendapatan kasar Ali daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP bagi tahun taksiran 2009 terdiri daripada gaji tahunan (RM120,000) dan amaun perkuisit berkaitan hak untuk memperoleh saham dalam sesebuah syarikat. Pendapatan kasar daripada perkuisit berkaitan dengan hak untuk memperoleh saham dalam sesebuah syarikat dikira seperti berikut:

$$5,000 \text{ unit} \times [(\text{RM}4 \text{ atau } \text{RM}3 \text{ yang mana lebih rendah}) - \text{RM}1] = \text{RM}10,000$$

Walau bagaimanapun, bagi tujuan mengira nilai premis kediaman di bawah perenggan 13(1)(c), amaun pendapatan kasar daripada perkuisit berkaitan hak untuk memperoleh saham dalam sesebuah syarikat iaitu RM10,000 tidak diambil kira.

Oleh itu, nilai manfaat premis kediaman yang diterima oleh Ali bagi tahun taksiran 2009 adalah RM24,000 dan ini merupakan jumlah yang lebih rendah di antara:

$$30\% \times \text{RM}120,000 = \text{RM}36,000 \text{ atau}$$
$$\text{Nilai tertentu premis kediaman} = \text{RM}24,000$$



**MANFAAT TEMPAT KEDIAMAN
YANG DISEDIAKAN OLEH MAJIKAN
KEPADA PEKERJANYA**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Tambahan Kepada
Ketetapan Umum No. 3/2005
Tarikh Keluaran: 5 Februari 2009**

Pendapatan kasar Ali daripada penggajian bagi tahun taksiran 2009 adalah seperti berikut:

<i>Pendapatan kasar di bawah perenggan 13(1)(a)</i>	<i>RM130,000</i>
<i>Nilai manfaat premis kediaman di bawah perenggan 13(1)(c)</i>	<i><u>RM 24,000</u></i>
	<i><u>RM154,000</u></i>

Contoh 2:

Ee, seorang pengarah urusan di sebuah syarikat terkawal menerima pendapatan berikut bagi tahun 2009:

- (a) pendapatan kasar tahunan dan bonus berjumlah RM240,000;
- (b) premis kediaman disewakan oleh majikannya pada kadar RM10,000 sebulan. Premis kediaman tersebut adalah terlalu besar untuk keperluannya dan dia seringkali meraikan tetamu majikan di premis tersebut. Dia menentukan bahawa 1/3 daripada bahagian premis tersebut digunakan untuk tujuan rasmi syarikat; dan
- (c) 50,000 unit saham @ RM2.00 seunit yang diberi oleh majikan di bawah skim opsyen saham pada 02.10.2008. Saham tersebut boleh dilaksanakan pada 02.01.2009 dan harga pasaran saham adalah RM3.00 seunit. Ee telah melaksanakan opsyen beliau pada 01.04.2009 pada nilai harga pasaran berjumlah RM4.00 seunit.

Pendapatan kasar Ee daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP bagi tahun taksiran 2009 terdiri daripada amaun pendapatan tahunan dan bonus (RM240,000) dan amaun perkuisit berkaitan hak untuk memperoleh saham dalam sebuah syarikat iaitu RM50,000 [50,000 unit X (RM3 – RM2)].

Walau bagaimanapun, bagi tujuan mengira nilai premis kediaman di bawah perenggan 13(1)(c), amaun pendapatan kasar daripada perkuisit berkaitan hak untuk memperoleh saham dalam sebuah syarikat iaitu RM50,000 tidak diambil kira.

Oleh itu, nilai manfaat premis kediaman yang diterima oleh Ali bagi tahun taksiran 2009 adalah RM24,000 yang merupakan jumlah yang lebih rendah di antara:

$$30\% \times RM240,000 = RM72,000 \text{ atau}$$
$$\text{Nilai tertentu premis kediaman} = RM80,000$$
$$(RM10,000 \times 12 \times 2/3)$$



**MANFAAT TEMPAT KEDIAMAN
YANG DISEDIAKAN OLEH MAJIKAN
KEPADA PEKERJANYA**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Tambahan Kepada
Ketetapan Umum No. 3/2005
Tarikh Keluaran: 5 Februari 2009**

Pendapatan kasar Ee daripada penggajian bagi tahun taksiran 2009 adalah seperti berikut:

Pendapatan kasar di bawah perenggan 13(1)(a) RM290,000

*Nilai manfaat premis kediaman di bawah
perenggan 13(1)(c)*

RM 72,000

RM362,000

4.2 Kategori Kedua: Premis kediaman yang disediakan oleh majikan kepada pengarah syarikat terkawal

4.2.1 Bagi kategori ini, nilai premis kediaman yang diambil kira sebagai pendapatan kasar di bawah perenggan 13(1)(c) adalah nilai tertentu premis kediaman.

4.2.2 Oleh itu, pindaan kepada pengiraan nilai premis kediaman mulai tahun taksiran 2009 tidak memberi apa-apa kesan kepada kategori ini.

**4.3 Kategori Ketiga: Premis kediaman bagi pekerja/pengarah urusan/
pegawai Kerajaan atau Badan Berkanun**

Contoh 3:

John Nair, seorang pengurus yang berkhidmat dengan suatu syarikat perladangan menerima pendapatan berikut dalam tahun 2009:

- (a) gaji bulanan berjumlah RM20,000;
- (b) premis kediaman percuma di ladang yang disediakan oleh majikan; dan
- (c) 10,000 unit saham @ RM1.00 seunit yang diberi oleh majikan di bawah skim opsyen saham pada 02.02.2009. Saham tersebut boleh dilaksanakan pada 01.03.2009 dan nilai harga pasaran adalah RM2.00 seunit. John Nair telah melaksanakan opsyen beliau pada 31.05.2009 dan nilai harga pasaran saham adalah RM3.00 seunit.

Pendapatan kasar John Nair daripada penggajian di bawah perenggan 13(1)(a) ACP bagi tahun taksiran 2009 terdiri daripada amaun gaji bulanan (RM240,000) dan amaun perkuisit berkaitan hak untuk memperoleh saham dalam sesebuah syarikat iaitu RM10,000 [10,000 unit X (RM2 – RM1)].

Walau bagaimanapun, bagi tujuan mengira nilai premis kediaman di bawah perenggan 13(1)(c), amaun pendapatan kasar daripada perkuisit berkaitan hak untuk memperoleh saham dalam sesebuah syarikat iaitu RM10,000 tidak diambil kira.



**MANFAAT TEMPAT KEDIAMAN
YANG DISEDIAKAN OLEH MAJIKAN
KEPADA PEKERJANYA**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Tambahan Kepada
Ketetapan Umum No. 3/2005
Tarikh Keluaran: 5 Februari 2009**

Oleh itu, nilai manfaat premis kediaman yang diterima oleh John Nair bagi tahun taksiran 2009 adalah 3% X RM240,000 = RM7,200.

Pendapatan kasar John Nair daripada penggajian bagi tahun taksiran 2009 adalah seperti berikut:

<i>Pendapatan kasar di bawah perenggan 13(1)(a)</i>	<i>RM250,000</i>
<i>Nilai manfaat premis kediaman di bawah perenggan 13(1)(c)</i>	<i><u>RM 7,200</u></i>
	<i><u>RM257,200</u></i>

5. Tambahan ini merupakan sebahagian daripada Ketetapan Umum No. 3/2005 dan berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2009.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri ,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**